

PM: JANGAN PERHIMPUNAN

U.M. 31 DEC 1992

SERTA ISTANA

Oleh
Badrul Azhar Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 30 Dis. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat negeri Johor supaya tidak mengambil bahagian dalam perhimpunan menghadap Sultan Johor yang akan diadakan di Istana Besar Johor Baharu pada 8 Januari ini.

Serentak dengan itu, Dr. Mahathir juga meminta Men-

teri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya tidak campur tangan dalam perhimpunan tersebut kerana terdapat bukti parti Semangat 46 turut terlibat menganjurkannya.

"Dalam hal ini, UMNO tidak boleh campur tangan kerana sudah ada unsur-unsur penglibatan politik parti," kata beliau pada satu sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin UMNO peringkat bahagian di sini petang ini.

Lebih 1,500 pemimpin peringkat bahagian UMNO dari seluruh negara hadir pada perjumpaan dua setengah jam

LIHAT MUKA 2

PM: JANGAN SERTAI PERHIMPUNAN ISTANA

itu. **11 M 31 DEC 1992**
Bagaimana pun, dalam satu perkembangan lain, Sultan Johor mengisytiharkan dengan rasmi mengenai perhimpunan tersebut dan bertitah bahawa ia adalah terbuka kepada semua rakyat tanpa mengira keturunan atau parti politik.

Berucap di Masjid Abu Bakar di Johor Baharu hari ini, Sultan Johor bertitah, orang ramai yang ingin menghadiri perhimpunan itu supaya tidak mengadakan tunjuk perasaan di luar pekarangan istana tetapi masuk ke dalam istana secara aman damai.

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir berkata, kerajaan mahu supaya isu pindaan Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan imuniti raja-raja diselesaikan secara teratur dan bukan dengan membangkitkan perasaan sesiapa.

"Sebab itulah UMNO tidak mengadakan perhimpunan kerana ia boleh menambahkan lagi ketegangan.

"Saya harap rakyat faham maksud pindaan ini yang tidak bertujuan untuk menghapuskan raja-raja," katanya.

Bagi mengelakkan salah faham, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menegaskan, kerajaan telah meminta Menteri-menteri Besar menghadap raja-raja dan jelaskan apakah perkara yang hendak dipinda.

Menurut beliau, perjumpaan dengan raja-raja pada 9 Januari adalah bagi tujuan yang sama, begitu juga dengan perjumpaan dengan Majlis Raja-raja pada 16 Januari.

Mengenai perjumpaan di Istana Besar Johor Baharu, beliau berkata, jika pihak istana tetap mahu mengadakannya, kerajaan tidak boleh menghalang.

Menurutnya, pihak penganjur tidak perlu mendapatkan permit bagi perjumpaan itu asalkan ia diadakan dalam kawasan istana.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, **Tan Sri Haniff Omar** mengingatkan orang ramai supaya jangan berhimpun di luar istana apabila perhimpunan menghadap Sultan Johor berlangsung di Istana Besar Johor Baharu pada 8 Januari ini.

Beliau berkata, jika orang ramai berhimpun di luar istana untuk mendengar ucapan dalam perhimpunan itu, pihak penganjur perlulah memohon permit kerana ia sudah melibatkan kawasan umum.

Undang-undang menjelaskan, pihak penganjur wajib mendapatkan permit jika perhimpunan itu melibatkan lebih daripada 20 orang dan diadakan di kawasan awam, katanya kepada para pemberita ketika Upacara Penutup Kejohanan Badminton Kelab Sri Aman 1992 di Pusat Latihan Polis, di sini, petang ini.